



KONVOKESYEN UPM

# Gagal SPM cemerlang ijazah

DR Mohd Fauzi (tengah) bersama enam graduan yang menerima anugerah peringkat universiti.

## ■ Siswa datang kelas jam 7.30 pagi terima pingat emas

Oleh **Fazurawati Che Lah**  
fazurawati@mediapri-  
ma.com.my  
**Serdang**

**M**ajlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-37 yang akan bermula Sabtu ini menyaksikan enam

graduan menerima anugerah peringkat universiti di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).

Penerima Hadiah Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Alumni Muhammad Syawal Amran, 24, berkata,

anugerah yang diterima disifatkan hadiah istimewa kerana sepanjang empat tahun pengajian, dia mengakui tiada masa untuk diri sendiri kerana memberi fokus kepada akademik dan kegiatan kokurikulum.

Kesibukan sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar

(MPP) tidak menghalang Syawal mengutamakan akademik kerana bertekad mahu menebus kekecewaan terhadap keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lalu.

"Kegagalan SPM menyebabkan saya tidak berpeluang menyambung terus ke

institusi pengajian tinggi (IPT), namun syukur berjaya memasuki tingkatan enam di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).

"Dari situ saya bertekad membaiki kesilapan lalu dan berusaha mencapai keinginan untuk bergelar pendidik," katanya ditemui selepas sidang media Majlis Konvokesyen, di sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Mohd Saleh Jaafar.

Syawal yang juga bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18 Shah Alam berkata, dia selesa belajar mengikut caranya sendiri iaitu datang awal ke kelas setiap hari iaitu sekitar jam 7.30 pagi untuk mengulang kaji beberapa subjek sebelum kelas bermula.

"Rutin saya setiap hari datang ke kelas lebih awal dan pulang selepas jam 10 malam. Dalam kelas pula saya lebih berminat berada di depan pensyarah kerana se-

nang untuk bertanya," kata graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) ini.

Selain anugerah itu, lima lagi turut diberikan kepada graduan iaitu Hadiah Anugerah Pelajaran Diraja Bumiputera kepada Siti Zubaidah Mohamed Isa (Program Doktor Perubatan), bukan Bumiputera Boey Tze Zhou (Sarjana Muda Sains Pertanian).

Pingat Emas Yavasan Pak Rashid dianugerahkan kepada Yiew Xiu Ting (Doktor Perubatan Veterinar), Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba dan Pingat Putra Agribio kepada Ahmad Zharif Arbi (Sarjana Muda Sains Pertanian) dan Hadiah Syed Kechik kepada Nurhayatty Mahmuda (Sarjana Muda Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu).

Konvokesyen yang berlangsung sehingga 29 Oktober itu membolehkan lapan sesi istiadat dengan seramai 7,149 graduan pelbagai program pengajian ijazah dan diploma termasuk Ijazah Doktor Falsafah (PhD) 440, Ijazah Sarjana 2,197, Ijazah Sarjana Muda (4,158) dan Diploma (354).

TuanKu Canselor UPM Sultan Sharafuddin Idris Shah akan mengurniakan ijazah pada hari pertama dan kedua istiadat itu.

**FAKTA**  
Konvokesyen bابتkin lapan sesi istiadat untuk 7,149 graduan